



# **SIARAN MEDIA**

## **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

### **“INSENTIF PERCUMA RM50 DAN REBUT PELUANG MENANGI RM10,000”**

#### **(PENGANJURAN MAJLIS)**

1. Bermula sejak pagi tadi terdapat beberapa aktiviti diadakan seperti pertandingan mewarna dan sukan rakyat. Penyertaan pertandingan mewarna melibatkan 40 orang pelajar daripada tadika KEMAS Limbang. Manakala sukan rakyat disertai oleh kakitangan PTPTN Sarawak dan penduduk setempat. Aktiviti ini membuka ruang kepada PTPTN untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan. Disamping mampu meningkatkan kefahaman masyarakat berkaitan fungsi PTPTN terutamanya mengenai penabungan dalam SSPN dan menjalin hubungan positif di antara PTPTN dan masyarakat setempat.

2. Tahun 2017 merupakan ‘Tahun Penabungan’ PTPTN dalam usaha menggalakkan masyarakat memulakan penabungan dari usia kecil sebagai persediaan untuk pendidikan tinggi anak-anak. Pelbagai bentuk galakan penabungan giat dilaksanakan dalam usaha mendidik minda masyarakat agar memulakan simpanan daripada kecil bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman.

3. Penganjuran majlis dan program pada hari ini mampu mengubah persepsi dan memupuk budaya penabungan dan ianya merupakan cabaran yang amat besar kepada PTPTN. Namun usaha murni tanpa mengenal erti jemu daripada PTPTN dan sokongan daripada pelbagai pihak dapat membantu masyarakat

lebih memahami dan sedar untuk memulakan penabungan sedari awal serta akan konsisten untuk membuat simpanan bagi pendidikan demi masa depan anak-anak.

4. **Ibu bapa seharusnya merebut peluang yang disediakan oleh PTPTN. Ibu bapa yang sedar akan pentingnya pendidikan anak-anak mereka, sudah pasti peluang untuk menabung tidak akan dilepaskan begitu sahaja. Persediaan untuk menyimpan dan membuat penabungan sedari awal adalah amat penting untuk keperluan pada masa hadapan berbanding meminjam. Dengan penabungan awal ini juga menunjukkan bahawa sesungguhnya kita amat mengharapkan agar anak kita berjaya hingga ke menara gading demi kesenangan mereka pada masa yang akan datang.**

**(SUMBANGAN RM50 TAMBAHAN SIMPANAN PERCUMA RM50)**

5. **PTPTN mengucapkan terima kasih dan berasa amat bertuah kerana mendapat kerjasama yang amat baik daripada semua pihak khususnya daripada Yang Berhormat. Masyarakat di Parlimen P221 Limbang bertuah kerana Yang Berhormat sudi memberi sumbangan berbentuk deposit akaun SSPN-i kepada 802 pelajar Tahun 1, 2017 melibatkan 35 buah sekolah.**

6. Usaha pemberian sumbangan ini sewajarnya dipuji dan seharusnya menjadi ikutan di lain-lain kawasan di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. **Ini kerana pelajar-pelajar Tahun 1 2017 yang menerima sumbangan RM50 ini bukan hanya menerima RM50 tetapi akan juga menerima tambahan simpanan daripada kerajaan melalui PTPTN sebanyak RM50. la menjadikan simpanan keseluruhan berjumlah RM100.**

7. PTPTN amat mengalu-alukan badan-badan korporat untuk turut sama memberikan sumbangan kepada pelajar Tahun 1 kerana pelajar tersebut akan menikmati tambahan simpanan RM50 secara PERCUMA. Hubungilah Pejabat PTPTN yang berdekatan bagi tujuan pemberian sumbangan ini.

**(RM120,000 CABUTAN HADIAH)**

8. Bermula bulan Julai 2017, PTPTN telah menganjurkan cabutan hadiah melalui Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN. Ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 pada tahun ini dan membuka akaun atau membuat tambahan simpanan sama ada di dalam akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus sebanyak RM50 akan berpeluang memenangi hadiah RM10,000 pada setiap bulan melalui cabutan bulanan bermula Julai hingga Disember 2017.

9. Saya amat mengharapkan majlis ini meletakkan PTPTN sebagai agensi utama Tabung Pendidikan di tengah-tengah masyarakat Sarawak amnya dan khususnya kepada ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 pada tahun 2017 ini.

# JomMenabung.

10. Ibu bapa yang menyatakan tidak perlu membuat simpanan lagi kerana anak baru Tahun 1 adalah salah. Mempunyai simpanan yang mencukupi untuk anak-anak kita ke menara gading mencapai cita-cita mereka adalah perlu simpanan pendidikan dibuat di awal usia atau semasa usia anak-anak masih kecil 'sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit'. Mulakan simpanan SSPN-i dan SSPN-i Plus ini seawal usia malahan umur anak 1 hari pun sudah boleh mula menyimpan.

**(SAHABAT PTPTN)**

11. PTPTN sentiasa mempromosikan Program SAHABAT iaitu satu kaedah PTPTN mewujudkan kolaborasi strategik dengan agensi Kerajaan atau Swasta bagi menggalakan kakitangan melaksanakan bayaran balik pembiayaan PTPTN dan penabungan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus melalui potongan gaji di samping menjana pendapatan sampingan kepada Sahabat PTPTN. Selain itu, SAHABAT PTPTN sentiasa memperolehi maklumat dan penerangan yang tepat berkaitan PTPTN.

12. Pada hari ini 35 buah sekolah secara rasmi dilantik sebagai SAHABAT PTPTN dan mendapat Insentif Khas SAHABAT di bawah Insentif Bajet 2017. Sekolah-sekolah diberi insentif khas RM20 untuk setiap pembukaan

**akaun/penambahan deposit SSPN bagi pelajar-pelajar Tahun 1 di sekolah masing-masing.**

13. PTPTN menyeru dan menyarankan agar mana-mana agensi kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, sekolah menengah dan rendah yang belum menyertai program SAHABAT PTPTN untuk menjadi SAHABAT mulai hari ini dan seterusnya menikmati keistimewaan-keistimewaan yang ditawarkan.

14. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, PTPTN sentiasa berusaha memberi produk dan perkhidmatan yang terbaik. Usaha memastikan masyarakat Malaysia menyedari peri pentingnya peranan penabungan untuk pendidikan akan terus dilaksanakan secara berterusan. Manfaat diperolehi oleh semua pihak terutamanya ibu bapa dan para pelajar.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
04 November 2017